



Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( LPIPM / CIDB ) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

| BIL.<br>SEBUTHARGA | BUTIRAN<br>SEBUTHARGA                                                                                                 | KELAYAKAN PETENDER                                           | HARGA<br>BORANG | TARIKH<br>TUTUP |
|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|-----------------|-----------------|
| MPTI/P/40/2024-JPL | CADANGAN PEMASANGAN SMART POLE<br>BERSERTA FASILITI DI SEKITAR BANDAR<br>TELUK INTAN & BAGAN DATUK,<br>MP TELUK INTAN | CIDB KELAS G2 – G7<br>(ELEKTRIK) tajuk<br>E 04, E06 DAN E 11 | RM 20.00        | 4 JUN 2024      |

1. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli di **Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan, Perak** dengan mengemukakan resit bayaran dokumentasi yang **dibayar secara tunai sahaja**.
2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **27 MEI 2024 (ISNIN)** sehingga **4 JUN 2024 (SELASA)**, waktu pejabat di **Jabatan Perancangan Bandar & Landskap, Pintu 6, Aras 1, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan** selepas lawatan tapak.
3. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
4. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** dan **sesalinan sijil berikut**:
  - (i) Perakuan Pendaftaran dengan CIDB.
  - (ii) Sijil Perolehan Kerja Taraf Kerajaan dengan CIDB.
  - (iii) Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
  - (iv) Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan KKM (mana yang berkaitan) yang masih berkuatkuasa sahaja.
  - (v) Surat Wakil Syarikat (Sekiranya bukan penama dalam sijil) semasa memohon tawaran.

5. Penyebut Harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana-mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat “Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan” atau surat “Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Bagi Gred Yang Lebih Tinggi/Rendah” yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.
6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy, 36000, Teluk Intan, Perak** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada **4 JUN 2024 (SELASA)** tarikh tutup.
7. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
8. Yang Dipertua, MPTI tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Yang Dipertua, MPTI dalam tempoh **TIGA (3) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.



**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN**